


BENCANA BANJIR

KOTA TINGGI : FAKTA DAN ANGKA



LATAR BELAKANG

- Daerah Kota Tinggi terletak di selatan Semenanjung Malaysia dan merupakan daerah yang terbesar di Negeri Johor dengan keluasan 3,459.4 kilometer persegi.
- Daerah ini memiliki 11 mukim serta mempunyai 26 kampung induk tradisional, 117 kampung rangkaian, 29 kawasan penempatan Felda dan 5 kawasan penempatan baru KEJORA.
- Kota Tinggi mempunyai dua Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Daerah Kota Tinggi dan Majlis Perbandaran Pengerang.
- Terjadinya banjir di daerah ini dipengaruhi oleh faktor empangan yang tidak boleh menampung jumlah hujan yang berlebihan dan juga faktor tanah rendah di Kota Tinggi.

Sumber: 1. <https://ptj.johor.gov.my/pejabat-tanah-kota-tinggi/profil-daerah-kota-tinggi/>
2. My Local Stats Kota Tinggi, Johor, 2023
3. <https://www.nres.gov.my/PustakaMedia/Keratan%20Akhir/Beberapa%20kawasan%20di%20Mersing,%20Kota%20Tinggi%20di%20jangka%20bah.pdf>



MENGIMBAS BANJIR BESAR DI KOTA TINGGI, JOHOR



BANJIR BESAR 2006

Sumber: https://www.facebook.com/SayaOrangJohor/posts/peristiwa-banjir-besar-kota-tinggi-pada-18-19-disember-2006-sehingga-16-januari-1051143301704392/?locale=ms_MY

Johor telah dilanda banjir pada 18 Disember 2006 yang telah menenggelamkan hampir keseluruhan bandar Kota Tinggi. Taufan Utor dikatakan merupakan punca hujan luar biasa ini.



BANJIR TAHUN 2022

Sumber: <https://mediadigitaljohor.gov.my/mangsa-banjir-kota-tinggi-bertambah/>

Sebanyak 44 keluarga terdiri 148 penduduk telah dipindah dan ditempatkan di empat PPS di Segamat dan Kota Tinggi




BANJIR TAHUN 2023

Sumber: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1071358/banjir-di-kota-tinggi-semakin-buruk>


Sehingga 02 Mac 2023, seramai 2,921 mangsa daripada 773 keluarga dipindahkan di 18 PPS.



HIDROGRAF STESEN



Paparan hidrograf menunjukkan paras air stesen Sg. Pungai di Punggai, Kota Tinggi telah meningkat kepada paras bahaya pada 12 Januari 2025 sehingga 13 Januari 2025.



Paparan hidrograf menunjukkan paras air stesen Sg. Sedili Kecil di Sedili Kecil, Kota Tinggi telah meningkat kepada paras bahaya pada 10 Januari 2025 sehingga 13 Januari 2024.

Sumber: <https://publicinfobanjir.water.gov.my/aras-air/data-paras-air/>

RAMALAN CUACA


TARIKH	CUACA	RAMALAN
15/01/2025 Rabu	 Hujan di beberapa tempat	Pagi: Tiada hujan Petang: Hujan di beberapa tempat Malam: Hujan di beberapa tempat Min: 23°C Maks: 30°C
16/01/2025 Khamis	 Hujan di beberapa tempat	Pagi: Tiada hujan Petang: Hujan di beberapa tempat Malam: Hujan di beberapa tempat Min: 23°C Maks: 30°C
17/01/2025 Jumaat	 Hujan menyeluruh	Pagi: Hujan di kebanyakan tempat Petang: Hujan menyeluruh Malam: Hujan di kebanyakan tempat Min: 23°C Maks: 30°C
18/01/2025 Sabtu	 Hujan menyeluruh	Pagi: Hujan menyeluruh Petang: Hujan menyeluruh Malam: Hujan menyeluruh Min: 23°C Maks: 30°C
19/01/2025 Ahad	 Hujan menyeluruh	Pagi: Hujan menyeluruh Petang: Hujan menyeluruh Malam: Hujan menyeluruh Min: 23°C Maks: 30°C
20/01/2025 Isnin	 Tiada hujan	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 23°C Maks: 30°C
21/01/2025 Selasa	 Hujan di kebanyakan tempat	Pagi: Hujan di kebanyakan tempat Petang: Hujan di beberapa tempat Malam: Tiada hujan Min: 23°C Maks: 30°C

Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia


BANJIR 2025

➤ Sejumlah 14 PPS beroperasi bagi menempatkan mangsa banjir di Kota Tinggi sehingga 14 Januari 2025 adalah seperti berikut:

PETA TABURAN PENDUDUK MENGIKUT MUKIM / BANDAR / PEKAN DAN HOTSPOT PPS



Bilangan Mangsa di PPS



Sumber: <https://infobencana.jkmv2.jkm.gov.my/landing/index.php?a=1&b=0#>

Senarai Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

DAERAH KOTA TINGGI
SEKOLAH
• SJK NEW KOTA
• SEKOLAH KEBANGSAAN LAKSAMANA
• SEKOLAH RENDAH AGAMA BERSEPADU (SRAB)
• SEK KEB GEMPUT
• SEKOLAH KEBANGSAAN TELUK RAMUNIA
• SEK KEB DATUK USMAN AWANG
• SEK KEB TUN DR SYED NASIR
• SEK KEB SEDILI KECIL
• SEK KEB LEPAU
• SJK (C) MAWAI
• SEKOLAH KEBANGSAAN PUNGGAI

DEWAN
• DEWAN RAYA KAMPUNG MAKAM
• DEWAN SERBAGUNA KOTA KECHIL
BALAIRAYA
• BALAIRAYA KG PERPAT

Sumber: <https://infobencana.jkmv2.jkm.gov.my/landing/index.php?a=1&b=0#>



Sumber: <https://www.kosmo.com.my/2025/01/10/orang-kota-tinggi-waspada-banjir-datang-lagi/>



Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article/706541/edisi/johor/keadaan-banjir-di-kota-tinggi-semakin-buruk-13-pps-dibuka>

IMPAK BANJIR

Banjir Kota Tinggi: 10 jalan terputus hubungan



NOR AZURA MD AMIN (Follow)

11 Januari 2025 12:09pm



KOTA TINGGI - Sebanyak 10 jalan di daerah ini terputus hubungan susulan banjir yang melanda disebabkan hujan lebat sejak pagi Jumaat.

Setiausaha Kerajaan Negeri Johor yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Tan Sri Dr Azmi Rohani berkata, daripada jumlah itu terdapat lima laluan yang ditutup sepenuhnya kepada semua kenderaan.

"Berdasarkan maklumat yang dibekalkan Jabatan Kerja Raya (JKR) Johor laluan terbabit ialah FT003 (Seksyen 51.50 - 51.70) Jalan Johor Bahru - Endau, FT091 (Seksyen 2.50 - 2.60) Jalan Kota Tinggi - Kluang dan FT092 (Seksyen 34 - 34.5): Jalan Kota Tinggi - Sg Rengit.

Sumber : <https://www.sinarharian.com.my/article/706556/berita/semasa/banjir-kota-tinggi-10-jalan-terputus-hubungan>

'Paras banjir naik mendadak, tiada barang sempat diselamatkan' - penduduk Kota Tinggi

Oleh Mohamed Farid Noh - Januari 11, 2025 @ 10:48am
farid_noh@bh.com.my



KOTA TINGGI: "Air naik terlalu pantas hingga saya dan isteri tidak sempat menyelamatkan apa-apa perabot dan peralatan elektrik kerana terpaksa menyelamatkan diri," kata seorang penduduk Taman Aman, di sini.

Rozi Kassim, 40, berkata ketika kejadian banjir berlaku beliau dan isteri baharu pulang ke rumah selepas selesai bekerja, petang semalam.

"Ketika itu memang hujan lebat dengan kami suami isteri sedang berehat di ruang tamu sebelum tersedar air mulai memasuki rumah kira-kira jam 7 malam.

Sumber : <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1347724/paras-banjir-naik-mendadak-tiada-barang-sempat-diselamatkan-penduduk-kota>

Detik cemas kereta dihanyutkan arus banjir

Oleh Zulhisham Isahak - 12 January 2025



KOTA TINGGI- Tindakan seorang lelaki meredah laluan digenangi air banjir di Jalan Lukut Cina berhampiran Taman Aman di sini semalam membawa padah.

Dalam kejadian pada pukul 5 pagi, pemandu kereta berkenaan yang berusia 52 tahun nekad meredah air banjir tetapi tidak berjaya sebelum dibawa arus deras.

Kereta berkenaan dibawa arus sehingga tersangkut di wayar tiang elektrik di jalan tersebut dan termasuk dalam banjir lalu mengakibatkan bahagian belakang kereta terjungkit.

Lelaki berkenaan menyelamatkan diri dengan memanjat dan duduk atas bumbung kereta sebelum meminta bantuan untuk diselamatkan.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Yusof Othma berkata, pihaknya datang memberikan pertolongan dan menyelamatkan lelaki tersebut.

Sumber : <https://malaysiagazette.com/2025/01/12/detik-cemas-kereta-dihanyutkan-arus-banjir/>

Banjir: Kami dah letih barang asyik rosak



SHAHRIZAL AHMAD ZAINI (Follow)

12 Januari 2025 03:01pm



KOTA TINGGI - "Bila banjir, barang asyik rosak. Letih macam ni," itu luahan penduduk Taman Mawai setiap kali banjir berlaku di kawasan kediaman mereka dengan kejadian terbaharu pada Jumaat yang turut merosakkan peralatan rumah termasuk perabot.

Seorang penduduk, Muhamad Aziq Abd Aziz, 24, berkata, sesuatu perlu dilakukan dalam usaha menangani permasalahan tersebut.

Menurutnya, setiap kali banjir, pastinya banyak barangan rumah milik penduduk rosak dan keadaan ini sangat memenatkan untuk kami mencuci dan mengemas semula kediaman masing-masing.


Sumber : <https://www.sinarharian.com.my/article/706726/edisi/johor/banjir-kami-dah-letih-barang-asyik-rosak/>



20 Oktober

2016 - 2030

PROFIL DEMOGRAFI



Sumber : 1. Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 : Daerah Pentadbiran Kota Tinggi
 2. Anggaran Penduduk Semasa Mengikut Daerah Pentadbiran, Johor, 2024
 3. Statistik Perkahwinan dan Perceraian Malaysia, 2020 & 2024
 4. Perangkaan Penting Malaysia, 2021 & 2024



PROFIL DEMOGRAFI MENGIKUT MUKIM YANG TERJEJAS BANJIR, DAERAH KOTA TINGGI, JOHOR

Berdasarkan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, maklumat penduduk, isi rumah dan tempat kediaman, umur muda (0-14) dan umur tua (65+) mengikut mukim yang terjejas banjir adalah seperti berikut:

MUKIM	JUMLAH	LELAKI	PEREMPUAN	TEMPAT KEDIAMAN	ISI RUMAH	UMUR MUDA (0-14)(%)	UMUR TUA (65+)(%)
MUKIM ULU SUNGEI SEDILI BESAR	6,566	3,553	3,013	1,935	1,674	22.0	10.5
MUKIM KAMBAU	2,291	1,604	687	1,064	799	16.8	2.4
MUKIM KOTA TINGGI	69,284	35,957	33,327	20,796	18,123	26.0	5.8
MUKIM PANTAI TIMUR	21,567	12,262	9,305	7,384	5,808	21.0	3.7
MUKIM Pengerang	15,494	9,216	6,278	5,217	3,963	21.0	11.3
MUKIM SEDILI BESAR	11,047	5,576	5,471	3,474	2,915	25.1	9.5
MUKIM TANJUNG SURAT	30,187	15,566	14,621	10,496	7,488	24.1	10.3
BANDAR KOTA TINGGI	4,000	2,036	1,964	1,208	1,043	22.2	6.3

Sumber: Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 : Daerah Pentadbiran Kota Tinggi.

STATISTIK SOSIOEKONOMI & KEMUDAHAN AWAM, KOTA TINGGI



PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN, 2022

	PURATA (RM)	PENENGAH (RM)
JUMLAH	7,529	6,227


RUMAH IBADAT



36 MASJID



14 TOKONG



5 KUIL



3 GEREJA

KESIHATAN

1 HOSPITAL
KERAJAAN



43 KLINIK
KERAJAAN

GUNA TENAGA



2.8% KADAR PENGANGGURAN
71.7% KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

KESELAMATAN



1 IPD
13 BALAI POLIS



6 BALAI BOMBA

PENDIDIKAN

74 SEKOLAH
RENDAH



22 SEKOLAH
MENENGAH

PAKW, 2023

Bandar
RM 4,400



Luar Bandar
RM 4,409

Sumber : Indikator Kos Sara Hidup, Johor, 2023

KDNK, 2020

(RM Juta)



RM 6,356

Sumber : Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Daerah Pentadbiran Kota Tinggi,
Johor, 2015 - 2020



BILANGAN PREMIS PERNIAGAAN MENGIKUT SEKTOR, KOTA TINGGI



Sumber: Malaysia Statistical Business Register (MSBR), 2024



LAPORAN KHAS IMPAK BANJIR DI MALAYSIA, 2024

NILAI KERUGIAN BANJIR KESELURUHAN

2023
RM755.4 juta

2024
?

NILAI KERUGIAN BANJIR TERTINGGI MENGIKUT NEGERI

JOHOR



2023

RM275.0 juta

2024

?


KELANTAN



RM139.7 juta

?

TERENGGANU



RM77.7 juta

?

NILAI KERUGIAN BANJIR TERTINGGI MENGIKUT DAERAH



2023

BATU PAHAT
RM104.8 juta

?

SEGAMAT
RM54.6 juta

?

PASIR MAS
RM26.8 juta

?



NILAI KERUGIAN BANJIR MENGIKUT JENIS KEROSAKAN

2023

RM168.3 juta

2024

?

TEMPAT KEDIAMAN

KENDERAAN

RM22.3 juta

?

PREMIS PERNIAGAAN

RM53.2 juta

?

PEMBUATAN

RM10.3 juta

?

PERTANIAN

RM120.6 juta

?

ASET AWAM & INFRASTRUKTUR

RM380.7 juta

?



2024

LAPORAN KHAS
IMPAK BANJIR DI
MALAYSIA



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

11




@StatsMalaysia




20 Oktober

2016 - 2030


PORTAL DAN DASHBOARD DOSM : MEDIUM SEBARAN STATISTIK



OpenDOSM




Kawasanku



MyLocal Stats



SDG




MyDemography



MyAgeing Dashboard



MyPAKW



Portal Bencana NADMA